



06 JUL, 2024

Southern Cable dapat kontrak RM99.6j bekal kabel TNB

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Southern Cable dapat kontrak RM99.6j bekal kabel TNB

Pengilang kabel dan wayar, Southern Cable Group Bhd (Southern Cable) memperoleh kontrak bernilai RM99.6 juta daripada Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi membekalkan kabel bawah tanah dan konduktor pelbagai saiz.

Dalam satu kenyataan, Southern Cable berkata, kontrak terbaharu yang diperolehi menerusi anak syarikat milik penuhnya, Southern Cable Sdn Bhd, meningkatkan jumlah nilai perjanjian pembekalan berterusan kumpulan dengan TNB kepada RM854.3 juta.

“Pesanan berskala besar ini menyerlahkan keupayaan kumpulan dalam menyediakan penyelesaian berkualiti dan boleh dipercayai bagi memenuhi permintaan infrastruktur tenaga di Malaysia,” katanya.

Pengarah Urusan Southern Cable, Tung Eng Hai, berkata kumpulan komited untuk menyokong inisiatif pembangunan TNB melalui penyelesaian kabel dan wayar yang dapat menyokong pengembangan grid, penyepaduan tenaga boleh diperbaharui serta usaha pemodenan utiliti di Malaysia.

“Kapasiti pengeluaran kami yang teguh memastikan bekalan yang boleh dipercayai untuk menyokong pelbagai sektor.

“Dengan kontrak terkini, kontrak dalam tangan Southern Cable kami kini melebihi RM1.0 bilion, menyaksikan keterlihatan hasil yang kukuh sehingga 2026.

“Pesanan ini merangkumi bekalan kabel dan wayar, sistem penerus dan bateri serta produk lain yang berkaitan,” katanya.